

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1. LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pelaksanaan kurikulum baru Pendidikan Islam pada tahun 1988 melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ( KBSM ) adalah satu reformasi pendidikan bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan negara. Pendidikan Islam yang merupakan mata pelajaran teras adalah kesinambungan daripada mata pelajaran Pendidikan Agama Islam KBSR. Pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan di dalam Pendidikan Islam KBSM diharapkan dapat melahirkan individu muslim dan mukmin yang berilmu pengetahuan, beriman dan beramal saleh serta bertaqwa kepada Allah s.w.t. supaya dapat membina masyarakat yang beriman dan berakhlak mulia dan seterusnya boleh menyumbangkan sesuatu untuk pembangunan dan kesejahteraan negara. ( Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988 ) Perubahan kurikulum itu juga diharapkan akan dapat melahirkan perubahan tingkahlaku di kalangan pelajar di mana amalan dan penghayatan Islam akan sampai kepada peringkat kebiasaan, iltizam, cita-cita, harapan dan perjuangan hidup walaupun di mana mereka berada.

Pendidikan Islam diajar kepada semua pelajar Islam tingkatan satu hingga tingkatan lima. Dari segi kurikulumnya, ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu

bahagian Tilawah Al-Quran dan 'Ulum Syar'iyah. ( Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992 ). Dalam bahagian Tilawah Al-Quran, pelajar-pelajar akan belajar membaca ayat-ayat tertentu daripada surah-surah yang telah ditetapkan, kefahaman daripada ayat yang dipelajari serta menghafal ayat-ayat hafazan . Dalam bahagian 'Ulum Syar'iyah pula, pelajar-pelajar akan mempelajari akidah, ibadat, sifat dan cara hidup Islam serta sirah nabawiyah ( tingkatan satu - tiga ) atau tamadun Islam ( tingkatan empat - lima ).

Antara perubahan nyata yang terdapat di dalam kurikulum Pendidikan Islam KBSM ialah pengenalan ayat-ayat hafazan di mana pelajar-pelajar dikehendaki menghafal ayat-ayat tertentu daripada beberapa surah yang ditetapkan. Pada peringkat menengah rendah ( tingkatan satu - tiga ), ayat-ayat hafazan ini akan diuji melalui ujian hafazan serta tilawah Al-Quran semasa mereka berada di tingkatan tiga dan keputusannya akan dicatatkan di dalam sijil Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) mereka.

Pada peringkat menengah atas ( tingkatan empat - lima ) pula, ayat-ayat hafazan ini akan diuji kepada pelajar-pelajar melalui peperiksaan bertulis semasa peperiksaan SPM. Mereka akan diuji dari segi kefahaman terhadap ayat berkenaan, meletakkan baris, menyusun semula ayat, menulis semula ayat dan seterusnya hukum-hukum tajwid yang terkandung di dalam ayat berkenaan.

Ayat 12 - 19 Surah Luqman adalah ayat hafazan dan kefahaman untuk pelajar-pelajar tingkatan empat. ( Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988 ) Pelajar-pelajar dikehendaki menghafal ayat ayat-ayat tersebut bagi tujuan peperiksaan bertulis ( SPM ). Bagi tujuan kefahaman dan intisari ayat tersebut, yang ditekankan hanyalah riwayat hidup Luqman Al-Hakim serta nasihat-nasihat kepada anaknya. Huraian lebih lanjut tentang isi kandungan surah ini terutamanya konsep pendidikan yang terkandung di dalamnya kurang ditekankan walaupun terlalu banyak unsur pendidikan yang terdapat di dalamnya.

## **1.2. TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat unsur-unsur pendidikan yang terdapat di dalam ayat 12 - 19 surah Luqman dan sejauh mana konsep pendidikan yang terdapat di dalam ayat tersebut selari dengan kurikulum Pendidikan Islam KBSM. Walaupun kurikulum Pendidikan Islam telah mula dilaksanakan pada tahun 1988, kajian khusus tentang ayat 12 - 19 surah ini belum ada dibuat lagi.

## **1.3. KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam khususnya yang mengajar tingkatan empat dan lima untuk menghuraikan dengan lebih terperinci lagi konsep pendidikan yang terkandung di dalam ayat ini dan tidak hanya sekadar

menghuraikan secara umum sahaja pendidikan-pendidikan Luqman Al-Hakim kepada kepada anaknya.

Kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi faedah kepada mereka yang berminat dalam bidang pendidikan di mana penemuan daripada kajian ini akan menunjukkan sejauh manakah kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang sedang dilaksanakan hari ni bersesuaian dengan kurikulum Pendidikan Islam khususnya yang terdapat di dalam surah Luqman.

#### **1.4. BATASAN KAJIAN**

Kajian ini hanya di bataskan kepada ayat 12 - 19 surah Luqman sahaja kerana ia merupakan ayat hafazan serta ayat kefahaman untuk pelajar-pelajar tingkatan empat. Selain daripada itu, ayat ini dipilih kerana terdapat banyak unsur pendidikan di dalamnya melalui nasihat yang diberikan oleh Luqman Al-Hakim kepada anaknya.

#### **1.5. METODOLOGI KAJIAN**

Penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis isi kandungan. Ayat 12 - 19 surah Luqman di analisis untuk mengetahui kaedah dan konsep pendidikan yang terkandung di dalamnya. Untuk mendapat huraian yang lebih terperinci dengan hujjah yang lebih kuat lagi, rujukan telah dibuat khususnya kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar di samping

buku-buku yang berkaitan dengan pendidikan sama ada yang berkaitan dengan Pendidikan Islam ataupun pendidikan secara umum